

27 DEC 2002

Melaka-Krismas

150,000 DIJANGKA HADIRI RUMAH TERBUKA KEBANGSAAN KRISMAS

MELAKA, 27 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid akan bersama-sama 150,000 orang yang dijangka menghadiri majlis rumah terbuka peringkat kebangsaan sempena Krismas di sini esok.

Majlis anjuran kerajaan negeri dan Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan itu akan berlangsung di Hang Tuah Mall di sini dari pukul 6 petang hingga tengah malam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Toh Puan Marfuza Sheikh Osman, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan isteri akan turut hadir.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berharap rakyat tempatan dan pelancong akan datang beramai-ramai ke majlis itu.

"Makanan adalah mencukupi untuk sehingga 200,000 pengunjung," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata khemah yang menyediakan beraneka jenis makanan akan diadakan di sepanjang Hang Tuah Mall, tidak di satu tempat sahaja, untuk memudahkan orang ramai mengambil makanan masing-masing.

Mohd Ali berkata sebanyak enam skrin besar akan disediakan di sepanjang Hang Tuah Mall sejauh 1.5 km itu bagi membolehkan orang ramai menonton persembahan melaluinya dan tidak perlu berpusu-pusu ke pentas utama, katanya.

Bagi mengelakkan kesesakan orang ramai diminta menggunakan kenderaan awam manakala mereka yang memandu kenderaan sendiri hendaklah mematuhi segala arahan polis untuk memastikan kelancaran lalulintas.

Majlis itu akan dimeriakan dengan pertunjukan bunga api selain persembahan artis dan pertunjukan kebudayaan.

-- BERNAMA

SBS NMO